



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 5 TAHUN 2018**

**PEMAKAIAN SURAT KEMENTERIAN KEWANGAN
BERTARIKH 29 JUN 2018 BERKAITAN
PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS DAN
PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN**

Pejabat Bendahari

22 Oktober 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 8 (5)

๗๗ Oktober 2018

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 5/2018

PEMAKAIAN SURAT KEMENTERIAN KEWANGAN BERTARIKH 29 JUN 2018 BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS DAN PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan pemakaian surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 berkaitan penambahbaikan tadbir urus dan pelaksanaan perolehan kerajaan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/KKM/D/00 JLD.10 SK.6(14) bertarikh 29 Jun 2018 telah memutuskan untuk melaksanakan beberapa penambahbaikan tadbir urus dan pelaksanaan perolehan Kerajaan meliputi perolehan secara Tender Terbuka, Tender Terhad dan Rundingan Terus yang ditangguhkan pelaksanaannya sehingga mendapat persetujuan Kerajaan. Pelaksanaan yang dibenarkan adalah secara Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan serta perlu merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan mengadakan Sesi Libat Urus dengan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia (NBO, MOF).

2.2 Kertas kerja ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 4/2018 pada 21 September 2018.

3.0 PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

3.1 Pelaksanaan Perolehan Bagi Tahun 2018.

3.1.1 Perolehan Tender Terbuka, Tender Terhad dan Rundingan Terus Yang Ditangguhkan Bagi Perolehan Bekalan, Perkhidmatan Perunding Dan Kerja.

| Status Perolehan | Projek Bernilai RM10 juta dan ke bawah | Projek Bernilai Melebihi RM10 juta |
|---|--|---|
| Surat Setuju Terima (SST) Belum Dikeluarkan | (a) Semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja sama ada tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus yang belum dikeluarkan SST, pelaksanaan perolehannya hendaklah dibatalkan dan ditender semula secara tender terbuka atau tender terbuka pra-kelayakan. | |
| | (b) Bagi semua perolehan perunding sama ada lantikan terus, tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus yang belum dikeluarkan SST, pelaksanaan perolehannya hendaklah dibatalkan dan dilaksanakan semula berdasarkan peraturan perolehan perundingan yang berkuat kuasa. | |
| | (c) Oleh itu, semua kelulusan MOF yang belum dikeluarkan SST berkaitan lantikan terus perunding, tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus yang dikeluarkan sebelum tarikh surat ini adalah terbatal. | |
| | (d) Sebelum perolehan boleh dipelawa semula secara tender terbuka atau tender terbuka pra-kelayakan, UTeM hendaklah membuat penilaian keutamaan perolehan seperti di perenggan 2.2 dengan merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan mematuhi surat arahan EPU bertarikh 7 Jun 2018 serta mengadakan sesi libat urus dengan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan (NBO, MOF). | |
| SST Telah Dikeluarkan | (a) Kontrak boleh diteruskan | <p>(1) <u>Peratus kemajuan pelaksanaan projek 15% dan ke bawah</u></p> <p>(a) Kontrak hendaklah dikaji semula melalui <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memutuskan kesesuaian pelaksanaan penamatan kontrak dengan mengambil kira jumlah pampasan yang perlu ditanggung oleh UTeM.</p> |

| Status Perolehan | Projek Bernilai RM10 juta dan ke bawah | Projek Bernilai Melebihi RM10 juta |
|------------------|--|---|
| | | <p>(b) Bagi tujuan menimbang dan memutuskan perkara ini, mesyuarat CCP akan dihadiri oleh wakil MOF sebagai ahli wajib.</p> <p>(c) CCP KPM boleh memutuskan kesesuaian penamatan kontrak bagi projek yang bernilai melebihi RM50 juta dengan syarat jumlah bayaran kemajuan, bayaran pendahuluan dan bayaran pampasan tidak melebihi 15% daripada nilai projek. Selain daripada perkara yang dinyatakan ini, kontrak tersebut hendaklah diperaku oleh CCP KPM untuk dimuktamadkan di MOF.</p> <p>(d) Semua urusan yang melibatkan kaji semula kontrak sedia ada hendaklah diselesaikan di peringkat CCP KPM sebelum 31 Ogos 2018.</p> <p>(2) <u>Peratus kemajuan pelaksanaan projek melebihi 15%</u></p> <p>(a) Kontrak boleh diteruskan.</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Penetapan peratus kemajuan adalah pada tarikh surat ini dikeluarkan. ii. Format maklumat projek untuk dibentangkan bagi pertimbangan CCP adalah seperti di Lampiran A. |

3.1.2 Kategori Projek Mengikut Keutamaan.

Bagi projek yang akan ditender semula dan projek baharu yang belum dilaksanakan projek tersebut hendaklah ditentukan keutamaan dengan merujuk kepada EPU dan sesi libat urus

dengan NBO, MOF berdasarkan tiga (3) kategori iaitu Kategori A (Kritikal), Kategori B (Sederhana Kritikal) dan Kategori C (Tidak Kritikal). Jenis perolehan yang terlibat di bawah setiap kategori adalah seperti berikut:

| Kategori A Kritikal | Kategori B Sederhana Kritikal | Kategori C Tidak Kritikal |
|--|---|---|
| (a) Ubat dan peralatan/ bahan perubatan dan perkhidmatan perubatan | (a) Infrastruktur luar bandar | (a) Bangunan baharu |
| (b) Keselamatan dan strategik termasuk penyelenggaraan aset berkaitan | (b) Bangunan tambahan (hospital, klinik dan sekolah) | (b) Infrastruktur |
| (c) Makanan (bahan mentah kering/ basah dan makanan dimasak termasuk makanan haiwan) | (c) Pelupusan sampah | (c) Teknologi maklumat (pembangunan sistem, perkakasan, perisian dan lain-lain) |
| (d) Perkhidmatan pembersihan (pejabat dan kawasan awam) | (d) Bahan guna habis (untuk institusi pendidikan dan latihan vokasional sahaja) | (d) Selain daripada kategori A dan B. |
| (e) Perkhidmatan sokongan hospital/ klinik | | |
| (f) Sewaan peralatan | | |
| (g) Rangkaian internet dan ICT termasuk penyelenggaraan | | |
| (h) Percetakan (warta, buku teks dan kertas soalan peperiksaan) | | |
| (i) Perabot dan peralatan sekolah dan hospital (untuk kemudahan rakyat) | | |
| (j) Input pertanian (baja, racun dan anak benih) | | |
| (k) Bahan bakar | | |
| (l) Majlis rasmi (acara rasmi berjadual sahaja) | | |
| (m) Penyelenggaraan kemudahan asas awam | | |

- 3.1.3 Walau bagaimanapun, untuk perolehan di bawah kategori kritikal dan sederhana kritikal, UTeM hendaklah mengambil kira tempoh untuk membuat penilaian keutamaan dan proses tender. Bagi memastikan perkhidmatan UTeM tidak terjejas, UTeM adalah dibenarkan untuk :
- 3.1.3.1 Pelanjutan ini hendaklah diluluskan dan dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan (LP) tertakluk kepada terma kontrak sedia ada dan peruntukan kewangan mengenainya telah diluluskan dalam Belanjawan 2018. Sebagai langkah interim demi menjaga kepentingan UTeM, LP juga dibenarkan untuk melanjutkan kontrak yang telah tamat dalam tempoh mulai 7 April 2018 sehingga tarikh LP bersidang;
 - 3.1.3.2 UTeM juga dibenarkan untuk mengambil langkah penjimatan melalui pengurangan kuantiti bekalan atau skop perkhidmatan/ kerja tanpa menjejaskan fungsi;
 - 3.1.3.3 UTeM hendaklah memastikan pilihan pelanjutan ini adalah bagi kontrak yang benar-benar perlu dan tidak disalahgunakan; dan
 - 3.1.3.4 UTeM dikehendaki mengambil tindakan susulan seperti menyempurnakan Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*).
- 3.1.4 Semua perolehan perunding baharu bagi kajian bukan fizikal hendaklah ditangguhkan kecuali jika diputuskan sebaliknya oleh EPU dan MOF.
- 3.1.5 LP boleh bersidang dan berperanan seperti biasa dengan mematuhi semua peraturan perolehan yang berkuat kuasa.
- 3.1.6 Pemakaian 1PP/PK7 dikekalkan sehingga 30 Jun 2019.
- 3.1.7 UTeM telah menggunakan 1PP/PK7 melalui :
- a) Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2016 berkaitan Perolehan-Perolehan Yang Dikecualikan Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan;
 - b) Pekeliling Kewangan Bilangan 2 Tahun 2016 berkaitan Garis Panduan Perolehan Bekalan, Perkhidmatan Dan Kerja

Melalui Rundingan Terus Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.1.8 Oleh yang demikian, surat MOF bil. (9) dalam rujukan S/K.KEW/PK/KKM/D/00/Jld. 4 SK.1 bertarikh 17 Mei 2018 adalah terbatal.

3.2 Perubahan Dasar Perolehan.

3.2.1 Arahan Perbendaharaan (AP) 192 – Kuasa Lembaga Perolehan Agensi.

3.2.1.1 Lembaga Perolehan B UTeM dimansuhkan dan peranannya disatukan di bawah Lembaga Perolehan A (selepas ini dikenali sebagai Lembaga Perolehan).

3.2.1.2 Kuasa Melulus Lembaga Perolehan UTeM bagi Lembaga Perolehan Badan Berkanun (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) ditetapkan had nilai melulus sehingga RM100 juta.

3.2.1.3 Pewartaan dan keahlian Lembaga Perolehan baharu adalah seperti berikut:

| Lembaga Perolehan | |
|--------------------------|--|
| Pengerusi | Naib Canselor |
| Pengerusi Ganti | Timbalan Naib Canselor |
| Ahli | Seorang Timbalan Naib Canselor |
| | Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan |
| | Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia |
| | Wakil Lembaga Pengarah Universiti |
| | Wakil Senat |
| Setiausaha | Bendahari |

3.2.2 Pemansuhan Kaedah Tender Terhadap

3.2.2.3 Kaedah perolehan secara tender terhadap seperti yang ditetapkan melalui 1PP/PK2.1/Perenggan 9 dimansuhkan dan digantikan dengan kaedah tender terbuka pra-kelayakan; dan

3.2.2.4 Proses tender terbuka pra-kelayakan adalah berdasarkan ketetapan berikut:

a) Penetapan Kriteria Pra Kelayakan

- i. UTeM hendaklah mengambil kira sekurang-kurangnya tiga (3) kriteria pra-kelayakan khusus seperti berikut:
 - A. Keupayaan kewangan (contoh: *net worth* atau modal pusingan atau modal mudah cair);
 - B. Pengalaman syarikat dalam melaksanakan perolehan serupa; dan
 - C. Tidak mempunyai prestasi pembekalan/ perkhidmatan/ kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun terkini.
 - ii. Kriteria pra-kelayakan ini hendaklah di bawa untuk kelulusan Lembaga Perolehan UTeM.
- b) Peringkat 1 (Pra-kelayakan)
- i. Pelawa tender terbuka;
 - ii. Tempoh pelawaan sekurang-kurangnya 21 hari; dan
 - iii. Penilaian pra-kelayakan untuk memilih syarikat yang layak untuk ke peringkat 2.
- c) Peringkat 2
- i. Pelawaan hanya kepada syarikat yang layak (melempi peringkat 1);
 - ii. Tempoh pelawaan sekurang-kurangnya 21 hari; dan
 - iii. Penilaian teknikal dan kewangan.

3.2.3 Tatacara Pelaksanaan Projek Sakit Kerajaan

| BIL. | PERKARA | SYOR |
|------|---|--|
| a) | Kaedah perolehan bagi pelantikan kontraktor penyiap | Semenanjung Malaysia - Kaedah tender terbuka di kalangan semua kontraktor penyiap yang telah diberikan Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) berdasarkan gred kontraktor asal dan ke atas tanpa mengira faktor lokaliti. |
| b) | Wakil MOF dalam keanggotaan | i. Digugurkan. ii. <i>Standard Operating Procedure</i> |

| BIL. | PERKARA | SYOR |
|------|--|---|
| | Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JKSP). | (SOP) JKSP sedia ada dibuat semakan semula dan penambahbaikan sewajarnya serta dikemukakan ke MOF untuk kelulusan muktamad. |

3.2.4 Selain itu, Kementerian Kewangan memutuskan supaya diwujudkan klausa khusus larangan pemindahan ekuiti syarikat sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa kecuali mendapat kelulusan bertulis Kerajaan terlebih dahulu. Arahan ini hendaklah dimasukkan dalam dokumen tender/sebut harga di samping sebagai klausa di dalam SST dan kontrak serta perlu dirujuk kepada Bahagian Undang-Undang masing-masing terlebih dahulu.

4.0 PEMBATALAN DAN PINDAAN

4.1 PEMBATALAN

Surat Kementerian Kewangan ini akan membatalkan Pekeliling Bendahari/ Pekeliling Kewangan berikut:

- a) Para 3.8.8 (i), Bab Kaedah Perolehan Tender, Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2014.
- b) Para 6, Bab 3 – Kaedah Tender, Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2018.
- c) Para 15.2(e), Bab 4 – Pentadbiran Kontrak, Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2018.
- d) Para 15.3.4(a)(ii), Bab 4 – Pentadbiran Kontrak, Pekeliling Kewangan Bilangan 6/2018.

4.2 PINDAAN

Surat Kementerian Kewangan ini akan meminda Pekeliling Bendahari/ Pekeliling Kewangan berikut:

- a) Para 3.8.8 (ii), Bab Kaedah Perolehan Tender, Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2014.
- b) Para 3.8.8 (iii), Bab Kaedah Perolehan Tender, Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2014.

5.0 PEMAKAIAN

5.1 Surat Pekeliling Kewangan ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan dan dibaca dengan Pekeliling Kewangan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

kaat/Surat Pekeliling Kewangan/2018

